

**PENGURUSAN HARTA MELALUI HIBAH:  
KEPENTINGAN DAN MANFAAT DARI PELBAGAI  
ASPEK UNTUK KEMAJUAN UMMAH**  
(Hibah Wealth Management: The Important and Benefit from Various  
Aspects for Ummah Development)

<sup>1</sup> RUSNADEWI ABDUL RASHID

<sup>2</sup> NOR HISYAM AHMAD

<sup>1</sup> Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi Mara Perlis, Malaysia

<sup>2</sup> Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya

---

**ABSTRAK**

*Perancangan pengurusan harta dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu perancangan harta semasa hidup dan pembahagian harta selepas kematian pemilik harta. Di antara bentuk-bentuk perancangan harta semasa hidup adalah seperti hibah, wasiat, wakaf, sedekah dan nazar. Manakala, pengurusan harta selepas berlaku kematian pula ialah pembahagian harta pusaka yang tertakluk kepada hukum faraid. Walaupun faraid berperanan dalam urusan pembahagian harta pusaka, namun pengagihan harta melalui cara tersebut mampu menjurus kepada masalah-masalah tertentu jika tidak ditadbir urus dengan sempurna serta tidak difahami dengan betul. Dianggarkan sejumlah RM42 bilion harta pusaka orang Islam telah gagal diagihkan kepada waris yang sah disebabkan masalah yang tertentu. Antara faktor yang dikenal pasti adalah berkait rapat dengan kurang keberkesanan dalam sistem pentadbiran dan juga sikap pewaris. Justeru melihat kepada masalah yang wujud, masyarakat perlu didedahkan dengan cara pengagihan harta semasa hidup sebagai perancangan awal pengagihan harta bagi mengelakkan masalah yang bakal timbul kepada harta yang ditinggalkan selepas kematian mereka. Ini memandangkan masalah tunggakan harta pusaka boleh mendatangkan implikasi yang buruk dari perspektif ekonomi, undang-undang, agama dan sosial. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang kepentingan perancangan harta dan kebaikan-kebaikan pelaksanaan hibah. Justeru itu, pemberian harta melalui hibah boleh diaplikasikan secara meluas pada masa kini bagi memberikan kebaikan kepada masyarakat.*

**Kata kunci:** Hibah, pusaka, faraid, pembahagian harta

## ABSTRACT

*Estate management planning in Islam is divided into two, during the lifetime and after the death of property owner. Among the estate planning forms of life are as gift inter vivos (hibah), bequest (wasiat), endowment, charity and vows. Meanwhile, the management of property after owner's death is subject to law of succession (faraid). Although faraid has been playing a vital role in the division of succession property, the fact remains that the distribution of the property through this way may lead to some problems if it is not properly administered and truly understood. It is estimated about RM42 billion of the Muslims inheritance property could not be distributed to the legal heirs due to the certain reasons. Amongst the identified factors are particularly related to the lack of efficiency in administration system and also the attitude of the legal heirs. As the result of the occurrence of the problem, people should be exposed to the way of distribution of property during their lifetime as a mode of an early estate management planning to avoid any difficulties which may evolve regarding to the property distribution after their death. The failure of the distribution of said estates could lead to several bad implications in forms of legal, economic, religion and social perspective. This article aims to discuss the importance of estate planning and the benefits of the implementation of gift inter vivos (hibah). This form of estate planning can be applied widely in the current situation for the benefit of society.*

**Key words:** hibah, law of succession, faraid, distribution of property

## PENGENALAN

Islam sebagai agama yang sempurna telah menentukan cara-cara pemilikan harta yang sah menurut hukum syarak seperti pemilikan melalui hibah, wasiat, wakaf serta *faraid*. Pemilikan harta oleh seseorang individu melalui salah satu cara tersebut telah diiktiraf oleh Islam sebagai hak milik sempurna (Mohd Zamro 2006). Oleh yang demikian, hak milik ini tidak boleh dilucutkan oleh sesiapaupun tanpa persetujuan daripada pemiliknya melainkan dengan cara yang dibenarkan. Mana-mana individu yang memiliki harta di bawah kategori hak milik sempurna adalah bebas menggunakan serta menikmati harta mereka dalam batas-batas yang ditetapkan. Justeru sebagai satu pengiktirafan kepada hak milik yang diberikan, mereka layak melaksanakan apa-apa transaksi berkaitan harta tersebut termasuk melakukan pindah milik, wakaf, wasiat dan hibah. Selain daripada itu, mereka juga berhak mewariskan harta tersebut selepas kematian dalam bentuk pusaka.

Konsep pengurusan harta merupakan perkara yang amat penting bagi menjamin agar harta mampu beredar dan bergerak cergas di dalam pelbagai

sektor kehidupan bagi penggunaan yang luas dan menyeluruh. Konsep pengurusan harta sedemikian memberikan hak pemilikan kepada seseorang atau segolongan yang lain. Selain itu, pengurusan harta yang baik boleh memberi galakan kepada transaksi harta agar dapat memperluaskan skop peredaran harta dan kekayaan sehingga dapat dinikmati oleh masyarakat. Oleh yang demikian, pengurusan harta secara sistematik dan teratur ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kesukaran-kesukaran yang boleh melemahkan kegiatan ekonomi masyarakat dalam sesebuah negara.

Walaupun konsep pengurusan harta sangat penting dan mempunyai manfaat dan tujuan kebaikan, namun malangnya, masih ramai di kalangan masyarakat di negara ini yang kurang kesedaran atau minat untuk membuat perancangan awal pengagihan harta. Menurut statistik, dianggarkan tunggakan kes tuntutan harta pusaka di Malaysia telah mencecah RM 42 bilion (Ghazali 2011). Kebanyakan kes tersebut iaitu hampir 90 peratus daripadanya melibatkan harta milik orang Islam (Ghazali 2011). Menyedari masalah itu, suatu penyelesaian terbaik perlu dicari dan diteliti secara serius. Justeru itu, hibah dilihat mampu menjadi alternatif kepada pengagihan harta pusaka sebagai langkah mengurangkan masalah yang timbul akibat kegagalan dan kelewatan pengagihan harta melalui *faraid* tanpa mengetepikan kepentingan hukum *faraid* dalam aspek pembahagian harta. Ini adalah bagi memastikan pembahagian harta yang dilaksanakan menjadi lebih mudah dan dapat memberikan faedah yang maksima bukan sahaja kepada waris-waris malahan kepada orang yang telah meninggal dunia. Pelaksanaan hibah dilihat amat sesuai untuk diamalkan seiring dengan peredaran masa serta perubahan corak hidup dan tabiat masyarakat. Ini adalah memandangkan pengagihan harta secara hibah tidak perlu melalui proses pentadbiran seperti yang diperlukan dalam permohonan dan penyelesaian harta pusaka secara *faraid*. Justeru itu, tidak timbul masalah dari segi kelewatan dan tunggakan kes pengagihan harta. Selain daripada itu, masalah pengabaian pembahagian harta juga tidak akan timbul memandangkan pemberian telah dibuat semasa hayat si mati kepada waris-waris tersebut.

## **KEBAIKAN PEMBERIAN HARTA DIBUAT SECARA HIBAH**

### **Hibah Sebagai Satu Cara Pengurusan Harta Yang Dianjurkan Islam**

Konsep hibah yang wujud dalam al-Quran dan sunnah serta diamalkan oleh orang-orang Islam di seluruh pelosok dunia termasuk Malaysia merupakan satu bentuk pengurusan harta yang dianjurkan Islam. Ia bukan bertujuan untuk membelakangi sistem pembahagian harta secara *faraid*, tetapi sebagai pelengkap kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Menurut seorang ahli akademik iaitu Dr. Siti Zalikah Md. Nor, beliau berpendapat bahawa masyarakat perlu memahami bahawa sistem *faraid* sebenarnya adalah satu bentuk pengagihan harta

kepada waris apabila seseorang meninggal dunia secara mengejut atau meninggal dunia dalam usia yang muda sebelum sempat memikirkan tentang persediaan pengagihan harta. Justeru itu, beliau menyarankan agar hibah dijadikan sebagai satu bentuk perancangan awal pewarisan harta untuk tujuan kebajikan (Zalikhah Md. Nor 2002). Tegas beliau lagi, hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan bentuk-bentuk sistem pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil dan boleh memupuk kasih sayang serta mencegah permusuhan (Zalikhah Md. Nor 2002).

Pendapat beliau ini juga disokong oleh Abdullah bin Muhammad, iaitu seorang Pengarah Seksyen Pembangunan Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam suatu buah kertas kerjanya (Abdullah b. Muhamad 2006). Beliau yang amat berpengalaman dalam bidang pembahagian harta pusaka telah mencadangkan agar minda masyarakat yang selama ini hanya menggunakan mekanisme pembahagian harta pusaka secara konvensional diubah kepada konsep yang menggunakan pendekatan 'pemberian semasa hidup' seperti hibah.

Tambahan lagi, pelaksanaan hibah adalah sunat dan digalakkan di dalam Islam. Ini adalah berdasarkan dalil-dalil seperti berikut:

Firman Allah s.w.t dalam Surah Ali Imran 3:92 yang bermaksud:

*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.*

Juga dapat dilihat dalam firmanNya dalam Surah al-Maidah 5:2 yang bermaksud:

*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.*

Selain itu, dalam Surah al-Baqarah 1:177 yang bermaksud:

*...dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya kepada kaum kerabat.*

Selain daripada dalil yang terdapat dalam al-Quran, pelaksanaan hibah juga telah disebut dalam sabda Rasulullah s.a.w yang membawa maksud:

Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w bersabda (al-Bukhari) bermaksud:

*Wahai wanita muslimat, janganlah seorang jiran menghina jirannya walaupun kerana pemberian tulang yang terdapat sedikit daging padanya.*

Saidatina Aisyah telah berkata (al-Tirmidhi) bermaksud:

*Nabi s.a.w menerima dan membalas hadiah.*

Secara kesimpulannya, berdasarkan dalil-dalil yang telah dibincangkan, hibah bukan sahaja telah mendapat pengiktirafan di dalam Islam malah pelaksanaannya telah dipelopori oleh Nabi Muhammad s.a.w sendiri melalui hadith Saidatina Aisyah. Justeru bertindak sebagai suatu pelengkap kepada kesempurnaan sistem pengagihan harta dalam Islam, konsep hibah amat sesuai diamalkan oleh masyarakat terutama apabila sistem pewarisan secara *faraid* gagal berfungsi dengan baik disebabkan masalah-masalah tertentu seperti kejahilan waris dalam memahami konsep *faraid*, pengabaian penyelesaian pusaka dan kelewatan akibat masalah pentadbiran.

### **Hibah Sebagai Pemberian Hidup Yang Boleh Ditujukan Kepada Sesiapa Sahaja Yang Dikehendaki**

Pemberian hibah tidak dihadkan kepada sekumpulan orang tertentu sahaja sepertimana yang terdapat di dalam sistem *faraid* yang memberikan hak hanya kepada ahli waris-waris. Hibah juga tidak pula mengecualikan sekumpulan orang yang lain bagi mendapatkan haknya sepertimana dalam wasiat yang mengecualikan waris sebagai penerima wasiat. Ini dapat diperhatikan melalui sabda Rasulullah s.a.w (al-Tirmidhi) bermaksud:

*Sesungguhnya Allah telah memberi kepada setiap orang haknya. Oleh yang demikian, tidak boleh memberikan wasiat kepada ahli waris, kecuali jika dikehendaki oleh ahli waris lainnya.*

Bagi menjelaskan fakta ini, sebagai contoh, seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No.3 tahun 1982 memberi takrif alanghayat (hibah) sebagai bermaksud “Pemberian percuma atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendakinya”.

i) Pemberian yang dibuat untuk waris

Menurut Islam, tidak wujud halangan untuk membolehkan hibah dibuat kepada waris sendiri walaupun pemberian sebegini ditegah melalui pemberian dengan jalan wasiat. Ini boleh dilihat melalui kes *Muhammad Awang & yang lain*

*lwn Awang Deraman & yang lain* [2004] CLJ (Sya) 139; *Tengku Haji Jaafar Ibni Almarhum Tengku Muda Ali & Anor v Govt of Pahang* [1987] 2 MLJ 74; *Mustak Ahmed v Abdul Wahid*; *Sharifah Bibi v Abd Wahid & Ors* [1987] 2 MLJ 449 yang melibatkan pemberian hibah daripada seorang bapa kepada anak-anaknya. Pemberian hibah juga boleh dibuat oleh seseorang suami kepada isterinya seperti yang dimanifestasikan dalam kes *Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman & 3 yang lain lwn Aminah binti Hj. Taib & 2 yang lain* [JH XVIII/II Bhg II Dis 2004 hlm. 331].

ii) Pemberian kepada bukan waris

Dengan kelebihan yang ada, pelaksanaan hibah boleh digunakan untuk memberi ruang kepada pasangan yang mempunyai anak angkat bagi memperuntukkan harta mereka kepada anak yang berkenaan [JH XVIII/II Bhg II Dis 2004 hlm. 12] kerana anak angkat tidak termasuk di dalam kategori penerima harta di bawah sistem pembahagian harta secara *faraid*. Sebagai contoh, di dalam kes *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah Binti Baba lwn Meah Binti Hussain* [JH XIX/I BHG 1 hlm. 165], suami kepada defendan iaitu yang juga merupakan bapa angkat plaintif telah semasa hidupnya menghibahkan sebidang tanah yang terdapat sebuah rumah di atasnya kepada plaintif. Walaupun pindah milik belum dibuat semasa pemberi hibah masih hidup, mahkamah memutuskan bahawa pemberian tersebut memenuhi rukun hibah. Pelaksanaan hibah kepada anak angkat juga boleh dilihat di dalam kes-kes seperti *Norizah Bt Mansor* [ JH XIX/I BHG 1, Feb 2005]; *Nang Lijah Bte Megat Stan* [Kanun, vol.8.1996, hlm. 169] dan *Salmiah binti Che Hat lwn Zakaria bin Hashim* [JH 2001, Jld.14 Bhg 1 & 2]. Pemberian saham secara hibah kepada anak saudara juga diiktiraf oleh Islam seperti yang ditunjukkan dalam kes *Fathilah Bt Sidik* [JH XVII/I Jun 2004].

iii) Pemberian kepada seseorang yang bukan beragama Islam

Perkembangan mutakhir menunjukkan terdapat banyak kes pemelukan agama Islam yang telah dilakukan oleh orang bukan Islam. Justeru itu, corak pembahagian harta juga perlu lebih selari dengan perkembangan ini. Bagi orang yang baru memeluk Islam, mereka mungkin masih mahu mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga mereka walaupun keluarga tersebut bukannya beragama Islam. Perbezaan agama antara waris dengan pewaris merupakan salah satu daripada halangan pewarisan dan mereka tidak boleh saling mewarisi (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006). Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud (al-Tirmidhi):

*Orang Islam tidak boleh mewarisi (harta) orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi (harta) orang Islam.*

Demikian juga maksud hadith yang lain yang maksudnya (al-Tirmidhi):

*Tidak akan saling mewarisi sesuatu apa pun antara keluarga dari dua agama (yang berlainan).*

Di Malaysia, kedudukannya juga sama seperti yang telah disyariatkan di dalam Islam. Di dalam kes *In Re Timah bt Abdullah, Dec'd* [1941] MLJ 51, si mati yang merupakan seorang perempuan Jepun yang telah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan seorang lelaki Islam. Beliau telah meninggal dunia meninggalkan sejumlah harta. Timbul pertikaian sama ada saudara lelaki dan ibu si mati yang tidak beragama Islam boleh mewarisi harta si mati. Hakim Gordon-Smith memutuskan bahawa di bawah Mazhab Shafie seperti yang diamalkan di Malaysia, waris bukan Islam ditegah untuk mewarisi harta orang Islam seperti di dalam kata-katanya:

*The Shafi'i School or interpretation of Mohamedan Law is applicable in Malaya and both according to Tyabji's Principles of Muhammadan Law (2<sup>nd</sup> Edition) page 834, paragraph 4 and Howard's Translation of Minhaj et Talibin, paragraph 9 page 253, an infidel is excluded from and cannot succeed to the estate of a Mohamedan.*

Keputusan yang sama telah dibuat di dalam kes *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan lwn Lim Ee Seng & Anor* [2000] 2 MLJ 572 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, wujud keperluan kepada satu penyelesaian untuk membolehkan seseorang yang baru memeluk Islam untuk membolehkan mereka memberikan harta mereka kepada keluarga terutamanya ibu bapa yang telah banyak berjasa sebagai menghargai pengorbanan sekurang-kurangnya melahirkan dan membesarkan mereka walaupun berlainan agama. Sehubungan itu, hibah adalah satu-satunya cara yang baik bagi tujuan tersebut. Kelonggaran dalam konsep hibah ini boleh memperlihatkan keindahan Islam sebagai agama yang amat menitikberatkan soal penghormatan kepada ibu bapa dan keluarga serta menggalakkan kasih sayang sesama manusia.

### **Tiada Had Dikenakan Terhadap Kadar Bahagian Atau Jumlah Pemberian**

Tidak sepertimana harta yang diwasiatkan yang tidak boleh melebihi sepertiga (1/3) daripada harta pusaka bersih, dan *faraid* mengikut kadar-kadar tertentu seperti yang diturunkan di dalam al-Quran, hibah memperlihatkan kelainan kerana tiada had jumlah yang perlu dipatuhi seseorang dalam pemberian hibah. Di dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin* [JH Dis 1998 Jld XII Bhg II hlm. 201] pemberian saham oleh seorang bapa kepada salah

seorang anaknya sebanyak 11,095,666 daripada jumlah 12,560,313 unit saham dikira sebagai satu hibah yang sah walaupun jika diikutkan pembahagian secara *faraid*, anaknya tidak layak mendapat bahagian sejumlah itu. Begitu juga di dalam kes *Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman & 3 yang lain lwn Aminah binti Hj. Taib & 2 yang lain* [JH XVIII/II Bhg II Dis 2004 hlm. 331] yang jelas menunjukkan bahawa pemberian hibah tidak mempunyai had tertentu kerana si suami dalam kes ini telah menghibahkan  $\frac{1}{2}$  bahagian daripada hartanya kepada isterinya.

### **Hibah Sebagai Alternatif Penyelesaian Masalah Pengagihan Secara *Faraid***

Memandangkan arus aliran zaman yang semakin berubah dan corak kehidupan masyarakat yang semakin berbeza, proses pentadbiran pembahagian harta secara *faraid* menjadi agak kurang berkesan kerana masing-masing sibuk dengan tugas dan kepentingan sendiri sehingga melupakan suruhan untuk mempercepatkan pembahagian harta selepas kematian seseorang. Kejahilan dalam bidang *faraid* serta sikap masyarakat yang tidak prihatin dan mengambil berat terhadap usaha pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan semakin berleluasa. Rentetan daripada sikap ini telah menimbulkan pelbagai masalah yang sukar diatasi dari sudut agama, ekonomi dan sosial. Justeru itu, sebagai usaha bagi mengatasi masalah yang timbul, kaedah pelaksanaan hibah ini bukan sahaja dikatakan dapat menjamin penurunan hak milik harta kepada waris mengikut kehendak pemberi hibah, malah akan mengurangkan jumlah kes harta pusaka di seluruh negara. Ini adalah kerana pengagihan harta melalui kaedah hibah tidak perlu melalui proses pentadbiran yang rumit sepertimana yang perlu dilalui dalam pembahagian secara *faraid* yang dikatakan kurang berkesan dan kadangkala boleh menimbulkan ketidakadilan. Ini sekali gus dapat mengelakkan perebutan harta dan pertelingkahan ahli waris selepas kematian pemilik (Abdullah b. Muhamad 2006).

### **Pembahagian Harta Secara Lebih Bermanfaat**

Tujuan utama pelaksanaan hibah adalah untuk menyelesaikan masalah yang timbul apabila pembahagian harta secara pusaka gagal ditadbir dengan sempurna atau memberikan kesan yang kurang baik. Ini adalah kerana pembahagian harta pusaka sebenarnya tidak boleh dianggap selesai sekiranya bahagian yang diperolehi setiap waris tidak dapat dimanfaatkan atau memberi apa-apa faedah kepada penerima. Harta yang dibahagikan secara konvensional iaitu dengan cara meletakkan nama semua waris pada setiap bidang tanah yang diwarisi sehingga tidak mendatangkan apa-apa manfaat dari sudut ekonomi serta menyukarkan transaksi seterusnya, pada hakikatnya hanya merugikan waris. Bagi mengatasi masalah ini, hibah dilihat sebagai suatu cara berkesan untuk pembahagian yang lebih berfaedah.



Seksyen 15(5) dan Jadual Pertama Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil sebenarnya telah menyediakan garis panduan kepada Pentadbir Tanah dalam mengeluarkan perintah pembahagian. Seksyen ini memperuntukkan bahawa pembahagian harta pusaka selain *faraid* dibenarkan mengikut persepakatan, iaitu pembahagian dibuat tanpa mengikut hukum *faraid* dengan syarat wujud persetujuan semua ahli waris selepas berlakunya kematian. Di dalam kes *Re Mamat bin Dat San & Anor; Mek Som v Awang bin Senik* [1972] 1 MLJ 59, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan bahawa perintah pembahagian yang dibuat secara muafakat (*consent*) adalah sah dan mengikat waris-waris.

Ini jelas menunjukkan amalan muafakat seperti ini tidak menyalahi hukum Islam sama sekali kerana Islam sendiri menganjurkan kita supaya mempraktikkan amalan berunding iaitu melalui kaedah *sulh*. Walau bagaimanapun secara praktikalnya, cara pembahagian melalui kaedah persepakatan ini jarang dipatuhi kerana ketiadaan persetujuan daripada pihak waris. Masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman masih gemar kepada bentuk perintah pembahagian mengikut bahagian *faraid* yang meletakkan nama-nama setiap individu ke atas semua hak milik si mati. Ini bermakna sekiranya si mati meninggalkan 5 hak milik dan 10 orang waris, maka setiap hak milik akan mengandungi nama kesemua daripada waris-waris tersebut. Kewujudan bentuk pembahagian sebegini telah menyebabkan nilai komersial sesebuah tanah menjadi terjejas dan tidak bermanfaat. Ini adalah kerana melalui hak milik yang dikongsi ramai individu dengan bahagian yang sangat kecil, urusan niaga tanah akan menjadi lebih rumit kerana setiap urusan niaga yang hendak dilaksanakan memerlukan persetujuan daripada kesemua pemilik (Abdullah b. Muhamad 2006).

Akibat daripada pembahagian yang begitu terikat dengan jumlah bahagian *faraid* ini, tanah-tanah yang mempunyai nilai komersial yang tinggi kepada negara seperti yang terdapat di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Perkampungan Melayu Sungai Penchala, Selangor tidak dapat dimajukan untuk tujuan pembangunan (Abdullah b. Muhamad 2006). Natijah daripada salah faham terhadap cara pembahagian ini menyebabkan berlakunya pemecahan tanah kepada pemilikan berkongsi (*joint ownership*) padahal perkara sebegini seharusnya dapat dielakkan (Abdullah b. Muhamad 2006). Sebagai contoh, sebidang tanah di Kampung Baru, Kuala Lumpur yang berkeluasan 809.345 meter persegi dimiliki bersama seramai 141 orang waris dan bahagian terkecil sebanyak  $\frac{7}{424320}$  bahagian iaitu mewakili keluasan 0.01335 meter persegi. Jika dikira dari nilai semeter persegi sebanyak RM 1000.00 maka bahagian seorang tersebut akan hanya berharga RM 13.35 sen (Abdullah b. Muhamad 2005).

Justeru memandangkan kepada permasalahan yang timbul akibat kurang kefahaman dan tolak ansur dalam pembahagian harta pusaka yang dibuat secara *faraid*, amalan pemberian secara hibah tidak harus dipandang ringan.

## **Pemberian Yang Boleh Dibuat Mengikut Kesesuaian Kedudukan Ekonomi Penerima**

Melalui pendekatan hibah juga, pemilik harta boleh menentukan sendiri kepada siapa hartanya akan diberikan dan sejumlah mana hendak diagihkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dari segi kedudukan ekonomi dan keperluan semasa waris-warisnya. Meneliti daripada aspek tersebut, keperluan seseorang individu daripada individu yang lain biasanya adalah berbeza. Oleh itu, hibah sebahagian harta yang lebih besar kemungkinan boleh dibuat kepada seseorang anak perempuan ataupun anak lelaki berbanding pemberian kepada seseorang anak lelaki lain, yang lebih berharta dan berkeupayaan. Terdapat jua situasi di mana anak perempuan kadangkala lebih banyak menunaikan tanggungjawab dan lebih banyak berjasa kepada ibu bapa dan keluarga berbanding dengan anak lelaki. Walaupun demikian, jika dibahagikan harta secara *faraid*, mereka hanya memperoleh separuh bahagian daripada anak lelaki. Melalui hibah, seseorang ibu bapa berhak memberikan bahagian harta yang lebih banyak kepada mereka yang lebih banyak memberi sumbangan. Sebagai contoh, seorang ayah yang telah berumur, memberikan harta yang lebih kepada anak perempuan berbanding lelaki (tetapi tidak menafikan hak anak lelakinya menurut hukum *faraid*), kerana beliau mengetahui bahawa anak perempuannya yang menjaga kepentingan semua ahli keluarga berbanding anak lelaki yang mungkin hanya menjenguk setahun sekali.

Merujuk kepada fakta kes *Muhammad Awang & yang lain lwn Awang Deraman & yang lain* [2004] CLJ (Sya) 139, si mati, iaitu responden pertama semasa hayatnya telah menghibahkan dua bidang tanah miliknya kepada responden kedua dan ketiga, iaitu anak-anaknya. Selepas kematian responden, perayu-perayu, yang merupakan anak-anak si mati yang lain telah mempertikaikan kesahan hibah tersebut atas alasan antaranya pembahagian tersebut tidak adil kerana dibuat secara tidak sama rata. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pemberian tersebut walaupun kelihatan tidak adil tetapi merupakan sesuatu yang sah hukumnya. Hakim Daud Muhammad dalam menyampaikan penghakiman mahkamah berkata:

*Pada zahirnya, hibah yang dilakukan oleh gemulah (si mati) menempatkan sesuatu tindakan yang kurang adil kerana mengetepikan kepentingan sebahagian anaknya. Tetapi pada hakikatnya mungkin ada sebab-sebab yang munasabah, gemulah (si mati) dan Allah sahaja yang lebih mengetahui.*

Pelaksanaan hibah yang dilihat lebih fleksibel telah dimanifestasikan dalam kes *Norizah Bt Mansor* [JH XIX/I BHG 1, Feb 2005], di mana seorang ibu angkat telah membuat surat akuan menyatakan bahawa beliau ingin memberikan kepada plaintif bahagian tanah miliknya kepada plaintif kerana berasa simpati

dan kasihan kepadanya memandangkan plaintif hidup dalam kesusahan serta perlu membesarkan seorang anaknya tanpa suami. Jika pengagihan harta secara hukum *faraid* diaplikasikan dalam situasi ini, sudah pasti ibu plaintif tidak berpeluang berbuat demikian sedangkan beliau merasakan bahawa beliau patut memberikan bantuan yang lebih kepada plaintif di atas kesusahan dan kesukaran hidup yang dihadapinya.

### **Pindah Milik Harta Hibah Selepas Kematian Pemberi Hibah**

Terdapat juga di kalangan golongan orang yang berharta berhasrat untuk menghibahkan hartanya kepada anak-anak dan orang-orang yang dikasihi. Namun, ada di antaranya yang ragu-ragu untuk terus menyerahkan hak milik hartanya kepada orang-orang tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh perasaan tidak sanggup melihat harta yang dihibahkan mungkin akan disalahgunakan. Selain daripada itu, ada kalanya pemberi hibah tidak mahu memindahkan hak milik harta tersebut semasa hidupnya kerana takut dan bimbang dipinggirkan setelah orang-orang yang mendapat harta tersebut memiliki keseluruhan harta yang diberikan. Oleh yang demikian, wujud produk hibah yang meletakkan syarat pengambil milikan cuma akan berlaku setelah kematian pemberi hibah (Naziree bin Md Yusof 2006). Walaupun pada dasarnya umum mengetahui bahawa pemberian hibah berkuat kuasa semasa hayat pemberi, namun hibah yang diletakkan syarat seperti hibah amanah yang diperkenalkan menggunakan mekanisme pemegang amanah menjadi penyelesaiannya. Sebagai contoh, produk yang diperkenalkan oleh Bumiputra Commerce Trustee Bhd iaitu di mana Bumiputra Commerce Trustee Bhd akan bertindak sebagai pemegang amanah yang akan menguruskan harta-harta yang dihibahkan oleh pemberi hibah bagi pihak penerima hibah. Harta-harta tersebut kemudiannya cuma akan dipindah milik kepada penerima hibah setelah berlakunya sesuatu perkara seperti yang disyaratkan di dalam dokumen amanah (*trust deed*). Melalui produk yang telah diakui kesahihannya ini, orang ramai tidak perlu berasa ragu-ragu untuk menyerahkan harta mereka melalui konsep ini.

### **Perceraian Tidak Menjejaskan Hak Kepada Pemberian Hibah**

Akad perkahwinan suami isteri yang sah di sisi syarak merupakan salah satu daripada sebab-sebab pewarisan. Dengan itu, suami dan isteri saling mewarisi di antara satu sama lain jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia selagi tidak ada halangan yang menegahinya. Menurut peraturan yang digariskan di bawah *faraid*, seseorang suami berhak mendapatkan 1/2 daripada harta pusaka isterinya jika pasangan tersebut tidak mempunyai anak. Walau bagaimanapun, hukum menetapkan agar seseorang suami yang mempunyai anak hanya berhak untuk mendapatkan 1/4 daripada harta pusaka tersebut. Manakala bagi seseorang isteri pula, mereka berhak memperoleh 1/4 daripada harta pusaka suami jika pasangan tersebut tidak dikurniakan zuriat, tetapi hanya mendapat 1/8 bahagian

jika mempunyai anak-anak. Ini dapat diperhatikan melalui ayat al-Quran yang menyebut dengan maksudnya (al-Nisa' 4:12):

*Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu, jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak, maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu.*

Walau bagaimanapun, para ulama telah bersepakat bahawa apabila berlaku perceraian secara *talak raj'i* (talak satu dan dua) sama ada suami dalam keadaan sihat atau sakit yang membawa kepada kematian (*marad al mawt*), maka suami atau isteri berhak mendapat harta pusaka apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia selagi mana masih berada dalam *idah* (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006). Walau bagaimanapun, jika suami menceraikan isterinya dalam keadaan sihat atau sakit yang membawa kepada kematian secara *ba'in* (seperti talak tiga, *khulu'* dan *fasakh*), maka ulama mengatakan bahawa mereka tidak boleh saling mewarisi di antara satu sama lain sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia walaupun masih lagi dalam *idah* (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006). Ini adalah kerana ikatan perkahwinan tersebut telah putus dan dengan itu salah satu sebab pewarisan iaitu perkahwinan akan luput, seterusnya menghalang hak pewarisan kepada harta pusaka (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006).

Namun demikian, jika dilihat kepada konsep pemberian secara hibah, perceraian tidak akan sama sekali menghalang seseorang suami atau isteri daripada memberikan harta atau menuntut harta yang diberikan oleh salah seorang di antara mereka. Hikmah di sebalik keharusan hibah pada situasi ini adalah kerana mungkin seseorang bekas suami atau isteri yang berkemampuan ingin memberikan hartanya seperti rumah kepada bekas pasangannya sebagai penghargaan atau kerana untuk melindungi anak-anak hasil perkahwinan mereka yang tinggal di rumah tersebut dan dipelihara oleh bekas pasangannya.

## KESIMPULAN

Kewajipan merancang pengurusan harta seharusnya perlu dibuat dengan bijak dan teliti kerana harta merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan. Ia merupakan salah satu daripada lima objektif undang-undang Islam. Sehubungan itu, dalam meneruskan kelangsungan hidup ini, perancangan pengagihan harta

amat penting dan harus diberi penekanan. Amalan yang dinamakan sebagai perancangan pengurusan harta ini bukan hanya sekadar mengumpul, mengurus, membangunkan dan melindungi harta semata-mata, sebaliknya harta dan kekayaan yang dimiliki harus dipastikan dapat diwarisi dengan sebaik-baiknya tanpa menimbulkan kesulitan dan kesusahan kepada waris yang layak menerimanya. Justeru itu, memandangkan pengagihan secara *faraid* boleh mendatangkan masalah yang agak merugikan pewaris, persediaan merancang pengagihan harta semasa hidup melalui konsep hibah perlulah dipraktikkan. Proses penyusunan penurunan harta yang sempurna melalui cara ini bukan sahaja akan dapat memberi kebaikan kerana mampu memperkembangkan ekonomi masyarakat dan negara, malah turut dapat memastikan harta yang diusahakan dengan jerit perih semasa hidup tidak akan menjadi bahan pertelingkahan di antara kaum keluarga. Penyusunan penurunan harta yang sempurna ini yang seterusnya bertujuan bagi menjamin kesejahteraan kehidupan waris-waris ini adalah amat perlu, kerana Islam amat menitik beratkan masa depan waris yang ditinggalkan agar kehidupan mereka tidak susah dan daif sepertimana yang disarankan yang dibuat dalam firmanNya surah al-Nisa 4: 9 yang bermaksud:

*Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim) oleh orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka (tentulah) mereka akan berasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka.*

Sebagai rumusannya, memandangkan hibah merupakan satu cara yang amat berkesan untuk mengagihkan harta kepada ahli keluarga atau sesiapa yang dikehendaki, maka penulis percaya bahawa amalan ini seharusnya dipraktikkan kerana ia mampu memberi kebaikan kepada sistem pengurusan harta bagi orang Islam di Malaysia. Melihat dari aspek di mana ia adalah merupakan pemberian semasa hidup pula, masalah birokrasi pentadbiran sepertimana yang dihadapi dalam proses penyelesaian harta pusaka melalui sistem *faraid* juga akan dapat dielakkan.

## **RUJUKAN**

- Ghazali Ibrahim. 2001. *RM 42 Billion Pusaka Belum Dituntut?*. Kuala Lumpur: Intempublishing.
- Mohd Zamro Muda, Wafaa' Yusof & Zamzuri Zakaria. 2006. Konsep harta dan kepentingan pengurusannya menurut perspektif Islam. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 10.

- Salleh Buang. 1989. Malay customary tenure- A brief history survey. Dlm. Judith Sihombing & Ahmad Ibrahim (pnyt.). *The Centenary of the Torrens System in Malaysia*, hlm. 34-42. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2002. Pengurusan wakaf, wasiat dan Hibah di Malaysia. Dlm. Mohamad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad, Anwar Fakhri Omar & Mohd Zamro Muda (pnyt.). *Isu Syariah dan Undang- undang Siri 11*, hlm. 1.
- Anon. 2002. Perlaksanaan Hibah harta. *Massa* 24-30 Ogos: 9.
- Madiah binti Muhammad. 2007/2008. Pembuktian dalam kes pengesahan Hibah. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Yasmin bt Zakaria. 2003. Pelaksanaan Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Fiqh dan Usuluddin, Bhg Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Abdullah b. Muhamad. 2006. Isu-isu dan masalah-masalah dalam pengurusan pembahagian pusaka kecil. Dlm. Zamzuri Zakaria, Siti Zalikhah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 28.
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang pusaka Islam: pelaksanaanya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.
- Abdullah b. Muhamad. 2005. Pusaka kecil: Penyelesaian berkesan ke arah kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Kertas Kerja Seminar Penyelesaian Pusaka Kecil Bagi Penghulu/Penggawa. Anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Naziree bin Md Yusof. 2006. Hibah dan aplikasinya di Malaysia. *ShLR* 2: 54-56.
- Abu Isa Muhammad b. Isa. 1993. *Sunan al-Tirmidzi*. Terj. H. Moh.Zuhri. Kuala Lumpur: Victory Agencie.